



## MAJLIS DAERAH TUMPAT

### PERUNTUKAN UNDANG – UNDANG PENGUATKUASA MAJLIS DAERAH TUMPAT BAGI PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN DALAM MENGEKANG PENULARAN COVID – 19

BIL	KESALAHAN	JUSTIFIKASI	HUKUMAN / PENALTI
1.	<p>UUK15(1) Undang – Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian 2019</p> <p>Mana – mana aktiviti yang menyalahi undang – undang serta apa – apa aktiviti yang bertentangan dengan dasar Pihak Berkuasa Tempatan atau Pihak Berkuasa Negeri tidak dibenarkan di mana – mana bahagian premis perniagaan.</p> <p><i>Contoh: Tidak mematuhi SOP PKP.</i></p>	<p>Kesalahan oleh mana – mana orang yang menyebabkan risiko penularan jangkitan tinggi kerana kegagalan mematuhi arahan Pegawai Diberi Kuasa dalam mengawal jangkitan boleh menyebabkan penularan jangkitan kepada komuniti.</p>	<p>UUK20(2)</p> <p>Mana – mana orang yang melanggar peruntukan UUK ini :-</p> <p>Denda tidak melebihi RM 500.00, kesalahan berulang tidak lebih RM 1,000.00</p>
2.	<p>UUK34A(1) Undang – Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Pindaan) 2020</p> <p>Pemegang lesen gagal memastikan langkah – langkah sewajarnya diambil bagi mencegah dan mengawal merebaknya wabak atau penyakit di premis berlesen pada setiap masa.</p> <p><i>Contoh: Tidak mematuhi SOP PKP</i></p>	<p>Kesalahan oleh pemegang lesen yang tidak menentusahkan status jangkitan dan risiko pelanggan tidak diketahui.</p>	<p>UUK47</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM 200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan.</p>

3.	<p>UUK34A(2) Undang – Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Pindaan) 2020</p> <p>Pemegang lesen gagal memastikan jarak sosial selamat antara mana – mana orang dan/atau sesama pekerjaanya di premis sekurang – kurangnya satu meter dalam semua keadaan termasuklah bagi semua pintu masuk, apa – apa kaunter, lobi atau mana – mana tempat yang difikirkan sesuai oleh Majlis dan gagal membuat penandaan bagi tujuan tersebut.</p>	<p>Kesalahan oleh pemegang lesen yang tidak menentusahkan status jangkitan dan risiko pelanggan tidak diketahui.</p>	<p>UUK47</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM 200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan.</p>
4.	<p>UUK34A(4)(a) Undang – Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Pindaan) 2020</p> <p>Pemegang lesen gagal memastikan premis berlesen disanitasi dan dinyahjangkiti secara kerap dan konsisten sekurang – kurangnya dua kali sehari.</p>	<p>Premis berlesen perlu disanitasi dan dinyahjangkiti secara kerap dan konsisten sekurang – kurangnya dua kali sehari agar dapat mengurangkan risiko transmisi.</p>	<p>UUK47</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM 200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan.</p>
5.	<p>UUK34A(4)(b) Undang – Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Pindaan) 2020</p> <p>Pemegang lesen gagal memastikan cecair pembersih tangan disediakan di premis berlesen pada setiap masa bagi kegunaan pekerja dan mana – mana orang yang berurusan di premis berlesen.</p>	<p>Penyediaan cecair pembersih tangan bagi kegunaan pekerja dan mana – mana orang yang berurusan dapat mengurangkan risiko transmisi.</p>	<p>UUK47</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM 200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan.</p>
6.	<p>UUK34A(4)(c) Undang – Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Pindaan) 2020</p> <p>Pemegang lesen gagal memastikan pekerja membersihkan tangan dengan kerap sebelum berurusan dengan mana – mana orang di premis berlesen.</p>	<p>Membersih tangan dengan kerap sebelum berurusan dengan pelanggan dapat mengurangkan risiko transmisi.</p>	<p>UUK47</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM</p>

			200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan.
7.	<p>UUK34A(5)(a) Undang – Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Pindaan) 2020</p> <p>Pemegang lesen gagal memastikan pemeriksaan suhu badan pada setiap hari bagi pekerja dan tahap kesihatan pekerja tidak direkodkan secara teratur dan konsisten.</p>	Kesalahan melibatkan pemegang lesen yang tidak dapat ditentusahkan risiko penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan pekerja.	<p>UUK47</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM 200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan.</p>
8.	<p>UUK34A(5)(b) Undang – Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Pindaan) 2020</p> <p>Pemegang lesen gagal memberitahu pegawai penjaga pejabat kesihatan daerah atau kemudahan kesihatan kerajaan atau balai polis yang paling hampir mengenai wujudnya penyakit berjangkit dipremis berlesennya.</p>	Kegagalan Pemegang lesen memberikan maklumat menyukarkan tindakan kawalan dan pencegahan diambil serta boleh mendatangkan potensi penularan jangkitan dalam komuniti.	<p>UUK47</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM 200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan.</p>
9.	<p>UUK34A(6) Undang – Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Pindaan) 2020</p> <p>Pemegang lesen gagal mematuhi apa – apa arahan berkenaan dengan pencegahan penyakit yang dikeluarkan oleh Majlis atau Pihak Berkuasa Negeri.</p>	Kesalahan melibatkan pemegang lesen yang tidak dapat ditentusahkan risiko penularan jangkitan COVID-19.	<p>UUK47</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM 200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan.</p>

10.	<p>UUK9 Undang – Undang Kecil Penjaja 1989</p> <p>Penjaja gagal mematuhi apa – apa arahan lisan atau bertulis yang diberi oleh Yang Dipertua atau mana – mana orang yang diberikuasa oleh Yang Dipertua.</p>	<p>Kesalahan melibatkan penjaja yang tidak dapat ditentukan risiko penularan jangkitan COVID-19.</p>	<p>UUK23</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya.</p>
11.	<p>UUK9(z) Undang – Undang Kecil Taman 2020</p> <p>Mana – mana orang di dalam mana – mana taman berkhutbah, bersyarah atau menyampaikan apa – apa ucapan dihadapan khalayak ramai atau berkumpul di dalam taman bagi maksud mengadakan atau mengambil bahagian dalam apa – apa perjumpaan agama, politik atau mana – mana perjumpaan lain atau mana – mana demonstrasi tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada Yang Dipertua.</p>	<p>Kegagalan mematuhi arahan pihak berkuasa sedia ada dan membawa risiko penularan jangkitan kepada komuniti</p>	<p>UUK12</p> <p>Mana – mana orang yang melanggar peruntukan UUK ini :-</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM 200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan.</p>
12.	<p>UUK13 Undang – Undang Kecil Pasar 1998</p> <p>Mana – mana orang gagal mematuhi waktu operasi pasar</p>	<p>Kesalahan melibatkan individu yang tidak dapat ditentukan risiko penularan jangkitan COVID-19.</p>	<p>UUK46</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM 200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.</p>
13.	<p>UUK24(f) Undang – Undang Kecil Pasar 1998</p> <p>Pemegang gerai gagal mematuhi syarat lain yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua</p>	<p>Kesalahan melibatkan pemegang gerai yang tidak dapat ditentukan risiko penularan jangkitan COVID-19.</p>	<p>UUK46</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM</p>

			200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.
14.	<p>UUK35 Undang – Undang Kecil Pasar 1998</p> <p>Keengganan seseorang yang dipercayai telah dijangkiti penyakit untuk mematuhi apa – apa arahan, perintah atau kehendak yang diberikan oleh Yang Dipertua atau mana – mana pegawai majlis.</p>	Kesalahan yang serius kerana individu tersebut perlu menjalani pengasingan sebaliknya bergerak bebas menyebabkan risiko penularan jangkitan dalam komuniti tinggi.	<p>UUK46</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM 200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.</p>
15.	<p>UUK36 Undang – Undang Kecil Pasar 1998</p> <p>Seseorang dipercayai telah dijangkiti penyakit masih bekerja dalam menyedia atau menjual barangan dan enggan untuk mematuhi apa – apa arahan, perintah atau kehendak yang diberikan oleh Yang Dipertua atau mana – mana pegawai majlis.</p>	Kesalahan yang serius kerana individu tersebut perlu menjalani pengasingan sebaliknya bergerak bebas menyebabkan risiko penularan jangkitan dalam komuniti tinggi.	<p>UUK46</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM 200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.</p>
16..	<p>UUK30(a) Undang – Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan 1999</p> <p>Seseorang yang menghidap penyakit berjangkit terlibat dengan penjualan atau penyediaan bagi jualan.</p>	Kesalahan melibatkan individu yang tidak dapat ditentukan risiko penularan jangkitan COVID-19.	<p>UUK51</p> <p>Mana – mana orang yang melanggar peruntukan UUK ini :-</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM 200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.</p>

17.	<p>UUK50(1) Undang – Undang Kecil Pelesenan Establisyemen Makanan 1999</p> <p>Pemegang lesen gagal untuk mengambil langkah dan menjaga untuk menentukan berlakunya penyakit di premis pemerahan susunya.</p>	<p>Kesalahan melibatkan pemegang lesen yang tidak dapat ditentusahkan risiko penularan jangkitan COVID-19.</p>	<p>UUK51</p> <p>Mana – mana orang yang melanggar peruntukan UUK ini :-</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM 200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.</p>
18.	<p>UUK50(2) Undang – Undang Kecil Pelesenan Establisyemen Makanan 1999</p> <p>Pemegang lesen membenarkan mana – mana orang yang menghidapi atau membawa penyakit yang berjangkit atau menular atau baru berhubung dengan orang yang berpenyakit demikian, untuk tinggal atau masuk ke premisnya atau memerah susu mana – mana binatang atau mengendalikan mana – mana bekas yang digunakan untuk menyimpan susu atau mengambil bahagian dalam apa cara juga dalam menjalankan tred ini.</p>	<p>Kesalahan yang serius kepada pemegang lesen kerana individu tersebut perlu menjalani pengasingan sebaliknya bergerak bebas menyebabkan risiko penularan jangkitan dalam komuniti tinggi.</p>	<p>UUK51</p> <p>Mana – mana orang yang melanggar peruntukan UUK ini :-</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM 200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.</p>
19.	<p>UUK50(3) Undang – Undang Kecil Pelesenan Establisyemen Makanan 1999</p> <p>Pemegang lesen gagal memberitahu dengan segera secara bertulis kepada Majlis mengenai sesiapa yang tinggal di rumahnya atau berada dipremis tenusunya menghidapi apa – apa penyakit berjangkit atau menular.</p>	<p>Kegagalan Pemegang lesen memberikan maklumat menyukarkan tindakan kawalan dan pencegahan diambil serta boleh mendatangkan potensi penularan jangkitan dalam komuniti.</p>	<p>UUK51</p> <p>Mana – mana orang yang melanggar peruntukan UUK ini :-</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM</p>

			200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.
20.	<p>UUK50(4) Undang – Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan 1999</p> <p>Pemegang lesen gagal mengambil langkah yang patut dan betul dengan pengedaran, penyimpanan dan pengedaran susu untuk mengelakkan terdedahnya susu kepada penyakit atau pencemaran.</p>	Kegagalan pemegang lesen mematuhi arahan pihak berkuasa dan membawa risiko penularan jangkitan kepada komuniti.	<p>UUK51</p> <p>Mana – mana orang yang melanggar peruntukan UUK ini :-</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM 200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.</p>
21.	<p>UUK50(5) Undang – Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan 1999</p> <p>Mana – mana individu gagal memaklumkan kepada majlis berhubung penularan penyakit di premis.</p>	Kegagalan individu memberikan maklumat menyukarkan tindakan kawalan dan pencegahan diambil serta boleh mendatangkan potensi penularan jangkitan dalam komuniti.	<p>UUK51</p> <p>Mana – mana orang yang melanggar peruntukan UUK ini :-</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM 200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.</p>
22.	<p>UUK13(1) Undang – Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pemandan Rambut 1989</p> <p>Seseorang yang menghidap penyakit berjangkit atau menular gagal memaklumkan pendandan rambut tentang penyakitnya sebelum kerja mendandan rambut dijalankan ke atas dirinya.</p>	Kesalahan yang serius kerana individu tersebut perlu menjalani pengasingan sebaliknya bergerak bebas menyebabkan risiko penularan jangkitan dalam komuniti tinggi.	<p>Seksyen 119 Akta 171</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya.</p>

23.	<p>UUK13(2) Undang – Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut 1989</p> <p>Pendandan rambut yang mendapat tahu secara lisan bahawa seseorang menghidap penyakit tidak menggunakan alat – alat berasingan yang diasingkan untuk digunakan khas bagi orang – orang itu.</p>	<p>Kegagalan pendandan rambut mengambil tindakan kawalan dan pencegahan mendatangkan potensi penularan jangkitan dalam komuniti.</p>	<p>Seksyen 119 Akta 171</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya.</p>
24.	<p>UUK13(3) Undang – Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut 1989</p> <p>Pendandan rambut yang menghidap penyakit berjangkit atau menular melayan mana – mana pelanggan.</p>	<p>Kesalahan yang serius kepada penandan rambut kerana perlu menjalani pengasingan sebaliknya bergerak bebas menyebabkan risiko penularan jangkitan dalam komuniti tinggi.</p>	<p>Seksyen 119 Akta 171</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya.</p>
25.	<p>UUK14(1) Undang – Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut 1989</p> <p>Pendandan rambut tidak membasmi kuman dari alat – alat mengikut cara – cara yang dinyatakan sebelum digunakan.</p>	<p>Kegagalan pendandan rambut mengambil tindakan kawalan dan pencegahan mendatangkan potensi penularan jangkitan dalam komuniti.</p>	<p>Seksyen 119 Akta 171</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya.</p>
26.	<p>UUK12(1) Undang – Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut 1989</p> <p>Mana – mana orang yang menghidap penyakit yang menular masuk, tinggal, bekerja atau diambil bekerja dalam mana – mana dobi.</p>	<p>Kesalahan melibatkan individu yang tidak dapat ditentusahkan risiko penularan jangkitan COVID-19.</p>	<p>UUK24</p> <p>Mana – mana orang yang melanggar peruntukan UUK ini :-</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM 200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan.</p>



27.	<p>UUK12(2) Undang – Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut 1989</p> <p>Pemegang lesen gagal melaporkan dengan segera kepada Majlis adanya penyakit menular atau berjangkit di kedai dobinnya.</p>	<p>Kegagalan Pemegang lesen memberikan maklumat menyukarkan tindakan kawalan dan pencegahan diambil serta boleh mendatangkan potensi penularan jangkitan dalam komuniti.</p>	<p>UUK24</p> <p>Mana – mana orang yang melanggar peruntukan UUK ini :-</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM 200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan.</p>
28.	<p>UUK12(3) Undang – Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut 1989</p> <p>Pemegang lesen dengan sengaja menerima barang atau kepunyaan atau digunakan oleh orang menghidap penyakit menular atau berjangkit atau tinggal dalam mana – mana rumah atau institusi dimana terdapat penyakit yang menular yang berjangkit.</p>	<p>Kegagalan Pemegang lesen mengambil tindakan kawalan dan pencegahan serta tidak memberikan maklumat mendatangkan potensi penularan jangkitan dalam komuniti.</p>	<p>UUK24</p> <p>Mana – mana orang yang melanggar peruntukan UUK ini :-</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM 200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan.</p>
29.	<p>UUK12(4) Undang – Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut 1989</p> <p>Pemegang lesen dengan tidak sengaja menerima pakaian terjangkit dan sebaik sahaja menyedari hakikat itu tidak memberitahu Majlis.</p>	<p>Kegagalan Pemegang lesen mengambil tindakan kawalan dan pencegahan serta tidak memberikan maklumat mendatangkan potensi penularan jangkitan dalam komuniti.</p>	<p>UUK24</p> <p>Mana – mana orang yang melanggar peruntukan UUK ini :-</p> <p>Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM</p>

			200.00 setiap hari kesalahan itu berterusan.
30.	Seksyen 78 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)  Rumah yang diduduki dengan penuh sesak	Seseorang yang membenarkan sesebuah rumah diduduki dengan sebegitu penuh sesak hingga boleh mendatangkan penularan jangkitan COVID-19.	Seksyen 78 Akta 171  Denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua – duanya. Kesalahan berulang tidak lebih RM 100.00 setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.
31.	Seksyen 109 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)  Kemungkiran mematuhi notis atau perintah.	Kegagalan pemunya atau penduduk sesuatu premis mematuhi notis atau perintah yang dikeluarkan membawa risiko penularan jangkitan kepada komuniti.	Seksyen 109 Akta 171  Denda tidak melebihi RM 500.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua – duanya.

UUK 15(3) Undang – Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian MDT 2019 – Larangan mana-mana bentuk hiburan di premis perniagaan.

UUK 25(1) Undang – Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian MDT 2019 – Pemegang lesen perlu menyediakan suasana selamat dan sihat di premis kepada pekerja seperti yang ditetapkan.

UUK 33 Undang – Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian MDT 2019 – Aktiviti tred perniagaan dan perindustrian mengikut waktu yang ditetapkan oleh MDT.

UUK 34A(3) Undang – Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Pindaan) MDT 2020 – mewajibkan pemakaian pelitup muka ke atas pekerja dan mana-mana orang yang berurusan di premis pada setiap masa .

UUK 7(1) Undang – Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pemandan Rambut 1989 – pemandan rambut hendaklah mencuci tangan sabun dan air bersih dan bila perlu menggunakan berus kuku sebelum melayani pelanggan.

UUK 7(3) Undang – Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut 1989 – pendandan rambut hendaklah menjalani pemeriksaan doktor 1 tahun sekali.

UUK 14(2) Undang – Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut 1989 – semua kelengkapan pendandanan rambut hendaklah diasmi dengan kuman sebelum dan selepas digunakan ke atas setiap pelanggan sebagaimana cara yang dinyatakan MDT.

UUK 9 Undang – Undang Kecil Taman MDT 2020 – kuasa menutup mana-mana bahagian taman pada bila-bila masa.

UUK 7(1)(d) Undang – Undang Kecil Pasar MDT 1998 – apa-apa kehendak yang difikirkan perlu oleh MDT kepada pasar persendirian.

UUK 13 Undang – Undang Kecil Pasar MDT 1998 – waktu operasi pasar awam sebagaimana yang diarahkan MDT.

UUK 23 Undang – Undang Kecil Pasar MDT 1998 – pemegang gerai hendaklah menjaga pasar dan gerai dengan bersih dan sihat.

UUK 12 (1) Undang-Undang Kecil Kedai Dobi MDT 1999 – larangan orang yang berpenyakit untuk masuk, tinggal dan bekerja di dalam kedai dobi.

UUK 12 (2) Undang-Undang Kecil Kedai Dobi MDT 1999 – pemegang lesen hendaklah melaporkan kepada MDT kejadian penyakit menular atau berjangkit di premis.

UUK 12 (3) Undang-Undang Kecil Kedai Dobi MDT 1999 – pemegang lesen tidak boleh menerima dengan sedar apa barang yang digunakan oleh orang berpenyakit atau orang yang tinggal dalam rumah atau institusi yang terdapat penyakit berjangkit atau menular.

UUK 39(3)(a) Undang – Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan MDT 1999 – mana-mana orang yang terlibat dengan penjualan atau penyediaan makanan enggan menjalani pemeriksaan perubatan bila diminta melakukan.

UUK 39(3)(b) Undang – Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan MDT 1999 – mana-mana orang yang terlibat dengan penjualan atau penyediaan meneruskan bekerja setelah diperiksa hilang kelayakan kesihatan.

UUK 39(4) Undang – Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan MDT 1999 – pemegang lesen, pe,munya, penduduk atau penjaga premis dilarang membenarkan pekerja yang hilang kelayakan kesihatan bekerja atau tinggal di premis.

UUK 18 (4)(a) Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan MDT 1990 - mana-mana orang yang bekerja dengan penjualan atau penyediaan makanan enggan menjalani pemeriksaan perubatan bila diminta melakukan.

UUK 18(4)(b) Undang – Undang Kecil Pengendali Makanan MDT 1990 – mana-mana orang yang bekerja dengan penjualan atau penyediaan makanan meneruskan tugas setelah diperiksa hilang kelayakan kesihatan.

UUK 18(5) Undang – Undang Kecil Pengendali Makanan MDT 1990 – pemegang lesen, pe,munya, penduduk atau penjaga premis dilarang membenarkan pekerja yang hilang kelayakan kesihatan meneruskan tugas atau tinggal di premis.

Seksyen 72(1)(f) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) - **Kuasa pihak berkuasa tempatan** (untuk melindungi dan memajukan kesihatan awam dan mengambil langkah yang perlu, munasabah serta praktik bagi pencegahan dan pemeliharaan kawasan).

Seksyen 101(v) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) - **Kuasa tambahan pihak berkuasatempatan** (pihak berkuasa tempatan mempunyai kuasa bagi melakukan segala perkara yang perlu untuk atau yang bermanfaat kepada keselamatan, kesihatan dan kesenangan awam).

**Dengan Perintah**

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH TUMPAT**